NO. SOALAN:23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)**
TARIKH	:	**20 MAC 2018 (SELASA)**

SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong (Lanang) minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah status banjir yang berlaku di Sarawak pada bulan Februari 2018 dan apakah bantuan atau bantuan kewangan yang telah dan akan disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk menolong mangsa banjir di Sarawak.

39

JAWAPAN: <u>YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang Di-Pertua,

Monsun Timur Laut yang bermula sejak bulan November 2017 yang lalu dijangka akan berakhir Mac tahun ini. Sarawak antara negeri yang telah dilanda banjir bermula dengan Samarahan pada 18 November dan sehingga 14 Februari 2018 sejumlah 16 daerah telah terlibat merangkumi 172 kawasan dan 9009 orang mangsa. Hujan lebat selama beberapa hari di awal bulan Februari telah menyaksikan hampir keseluruhan bahagian negeri Sarawak

Kerajaan Persekutuan melalui Agensi Pengurusan Bencana Negara yang telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras segala bentuk bencana di dalam negara telah bersiapsiaga dalam menghadapi banjir monsun di seluruh negara. Bagi negeri Sarawak, pihak NADMA telah pun menghantar bantuan kelengkapan asas pada bulan Disember 2017 dalam usaha persediaan menghadapi banjir. Sebanyak 2000 unit tilam, 2000 unit bantal, 2000 unit toto dan 2000 unit khemah pengadang telah diserahkan kepada Angkatan Pertahanan Awam (APM) selaku sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Banjir Negeri untuk agihan bila diperlukan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain bantuan dalam bentuk keperluan asas di Pusat Pemindahan, NADMA juga telah menghantar bantuan dalam bentuk aset logistik seperti kenderaan pacuan empat roda Hilux sebanyak 4 buah, Bot Aliminium 10 buah dan Bot Rubber Inflatable sebanyak 10 buah. Negeri Sarawak sebelum ini telah pun menerima sebanyak 3 buah bot Sealeg dan 9 buah lori MAN.

Semua agensi yang terlibat dalam pengurusan banjir telah bertugas dengan sebaik mungkin bagi memastikan agihan bantuan serta urusan berkaitan berjalan lancar. Sekumpulan pegawai dari NADMA sendiri telah tiba di Sarawak lebih awal setelah menerima laporan daripada Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) yang mengeluarkan amaran hujan lebat di Sarawak bermula 5 Februari sehingga 7 Februari 2018. Selain peralatan bantuan yang dihantar lebih awal, NADMA turut membantu dalam menyediakan bantuan mengikut keperluan semasa bagi melengkapi kekurangan yang ada contohnya bantuan tambahan alatan memasak di pusat-pusat pemindahan.

Bagi bantuan khas dari Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara, sehingga kini pihak NADMA masih belum menerima senarai nama mangsa-mangsa daripada Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk proses pengagihan wang ehsan. Bagi negeri Sarawak, sejak 2015, Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) telah mengagihkan sejumlah **RM22,056,000** dana dalam bentuk wang ihsan kepada mangsa-mangsa bencana.

2015	RM14,618,500.00
2016	RM5,447,000.00
2017	RM1,990,500.00